

FELCRA BERHAD

Perkara Utama

Apa yang diaudit?

- FELCRA Berhad (FELCRA) merupakan syarikat subsidiari milik Menteri Kewangan (Diperbadankan) [MKD] dan Pesuruhjaya Tanah Persekutuan dengan modal berbayar berjumlah RM500 juta. Penubuhan FELCRA adalah untuk melaksanakan mandat sosial melalui program Penyatuan dan Pemulihan (P&P) serta perniagaan komersial.
- Penilaian terhadap aktiviti utama FELCRA meliputi dua bidang utama iaitu prestasi dan pengurusan aktiviti mandat sosial serta perniagaan komersial bagi tahun 2019 hingga bulan April 2022.
- Dua perkara yang dinilai bagi prestasi aktiviti ialah pencapaian output dan pencapaian keberhasilan. Pencapaian output dinilai berdasarkan Petunjuk Prestasi Utama (KPI), prestasi aktiviti mandat sosial dan prestasi aktiviti perniagaan komersial. Pencapaian keberhasilan pula dinilai berdasarkan prestasi pembayaran dividen kepada Kerajaan, prestasi pengagihan dividen kepada peserta dan kajian kepuasan peserta program P&P.
- Tiga perkara yang dinilai bagi pengurusan aktiviti ialah pengurusan pengagihan dividen kepada peserta, pengurusan aktiviti perladangan dan pengurusan aktiviti perkilangan. Perkara lain yang diaudit ialah pengurusan penghutang dagangan serta pemantauan syarikat subsidiari dan usaha sama.
- Penilaian terhadap sembilan aspek amalan terbaik tadbir urus korporat iaitu Pengerusi, Lembaga Pengarah, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan, Setiausaha Syarikat, Pelan Strategik dan KPI, Prosedur Operasi Standard (SOP), Jawatankuasa Audit dan Risiko, Audit Dalam serta Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuhan bagi tahun 2019 hingga bulan April 2022.
- Analisis kedudukan kewangan tidak dijalankan kerana pengauditan penyata kewangan bagi tempoh tahun 2019 hingga 2021 belum dimuktamadkan oleh Tetuan KPMG PLT.

Mengapa ia penting untuk diaudit?

- Menilai tahap pencapaian objektif penubuhan FELCRA untuk menyatu, memulih dan membangunkan tanah melalui program P&P.
- Menilai pelaksanaan tanggungjawab sosial FELCRA bagi memenuhi keperluan, faedah dan kebajikan kumpulan sasar dalam usaha meningkatkan kualiti hidup yang lebih sempurna selaras dengan hasrat Kerajaan dalam Perjanjian Korporat 2003.

- Pelaburan Kerajaan kepada FELCRA berjumlah RM500 juta.
- Setakat tahun 2021, FELCRA telah memperoleh ladang seluas 203,953 hektar dan mempunyai 108,097 peserta.
- FELCRA telah mengagihkan dividen berjumlah RM801.05 juta kepada peserta FELCRA bagi tempoh tahun 2019 hingga 2021.
- Setakat bulan April 2022, FELCRA mempunyai pegangan saham antara 53% hingga 100% dalam 22 syarikat subsidiari dan sembilan syarikat usaha sama dengan pegangan saham antara 8.75% hingga 50%.

Apa yang ditemui Audit?

- Secara keseluruhannya berdasarkan skop pengauditan, objektif penubuhan FELCRA untuk menyatu, memulih dan membangunkan tanah milik peserta telah tercapai melalui aktiviti utamanya iaitu melaksanakan mandat sosial (program P&P) dan perniagaan komersial. Dalam aspek keberhasilan, Kerajaan tidak menerima dividen daripada FELCRA bagi tempoh tahun 2019 hingga 2021, namun program P&P telah memberi impak positif serta dapat meningkatkan taraf hidup peserta dengan agihan dividen yang diterima.
- Pengurusan aktiviti perladangan adalah tidak cekap kerana tidak mematuhi jadual perancangan pembajaan dan jadual pusingan penuaian serta tenaga kerja asing (TKA) yang telah tinggal melebihi tempoh sah laku Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS).
- Pengurusan aktiviti perkilangan adalah cekap dan berkesan bagi aktiviti penggredan buah tandan segar serta penyingkiran enapcemar. Namun, kecekapan dan keberkesanan pengurusan penyenggaraan jentera kilang tidak dapat ditentukan kerana ketidaaan sistem rekod yang terancang dan jelas.
- Setakat bulan April 2022, tiada pembayaran dividen oleh syarikat subsidiari dibuat bagi tempoh tahun 2019 hingga 2021 disebabkan oleh pengauditan penyata kewangan bagi tempoh tersebut belum dimuktamadkan.
- Amalan tadbir urus korporat FELCRA berada pada tahap memuaskan namun memerlukan tindakan penambahbaikan bagi kesemua aspek kecuali Audit Dalam serta Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuhan.

Apa yang disyorkan Audit?

- Pihak yang berkepentingan perlu memberi pertimbangan terhadap syor berikut:
 - mengambil langkah untuk membantu peserta yang tidak menerima dividen bagi menyelesaikan masalah kos operasi dan projek tidak berdaya maju;

- dividen belum agih terkumpul berjumlah RM67.14 juta hendaklah diserahkan kepada peserta dan pemegang amanah secepat mungkin;
- memaksimumkan pengisian tenaga kerja ladang selaras dengan keperluan FELCRA supaya dapat meningkatkan produktiviti hasil tuaian dan pendapatan syarikat pada tahap optimum;
- semakan menyeluruh terhadap tempoh sah laku PLKS TKA di semua ladang FELCRA;
- mengguna pakai sistem secara digital bagi pengurusan penyenggaraan kilang sawit FELCRA seiring dengan perkembangan Revolusi Industri 4.0 negara;
- hutang dagangan berjumlah RM10.66 juta melebihi 360 hari hendaklah dituntut dengan segera bagi mengelakkan kerugian kepada syarikat;
- pemantauan terhadap syarikat subsidiari dan syarikat usaha sama yang berterusan dari segi operasi perniagaan dan prestasi kewangan; dan
- memastikan tadbir urus korporat dipertingkatkan antaranya berkaitan pematuhan terhadap terma lantikan Lembaga Pengarah dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan; program pembelajaran Lembaga Pengarah dan Setiausaha Syarikat; penyediaan, pengemaskinian, pematuhan dan pemantauan SOP; pemantauan KPI; serta kebebasan Pengerusi Jawatankuasa Audit dan Risiko.